

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JUN 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Teliti rasionalisasi subsidi RON95

Teliti rasionalisasi subsidi RON95

Penyasaran semula subsidi oleh kerajaan akan dipulangkan kepada rakyat melalui pelaksanaan program, projek

KUALA LUMPUR

Kerajaan sedang meneliti keperluan rasionalisasi subsidi ke atas petrol RON95.

Menyatakan hal ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bagaimanapun berkata, buat masa ini, tumpuan dan keutamaan akan diberikan kepada penyasaran subsidi diesel menjadinya stabil.

Menurutnya, kerajaan telah melaksanakan pemberian subsidi diesel secara bersasar bermula 10 Jun lalu yang dijangka dapat memberikan penjimatan RM4 bilion setahun, sekaligus mencapai objektif yang ditetapkan antaranya untuk memperkuuh kemapanan fiskal negara serta mengurangkan ketirisan dalam pengagihan subsidi diesel.

"Sekiranya rasionalisasi subsidi ke atas petrol RON95 dilaksanakan pada masa akan datang, kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan golongan yang terkesan akan diberikan bantuan yang sewajarnya."

"Di samping itu, pelaksanaan inisiatif ini juga akan membantu kerajaan memperkuuhkan kedudukan fiskal dan mengoptimalkan sumber yang ada."

"Penjimatan daripada Inisiatif penyasaran semula subsidi akan dipulangkan kepada rakyat melalui pelaksanaan pro-

gram, projek yang lebih memberi manfaat dan benar-benar diperlukan oleh rakyat seperti penambahbaikan dalam penyediaan perkhidmatan sosial serta kemudahan awam termasuk kesehatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan Datuk Seri Richard Riot Jaem (GPS-Serian) sama ada ada langkah pengurangan subsidi petrol (Rasionalisasi Subsidi Petrol) memberi impak positif kepada rakyat.

Tambah Rafizi, penyasaran semula subsidi merupakan satu anjakan besar dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12.

Katanya, inisiatif ini penting dalam usaha memperkuuh kemapanan fiskal dan



RAFIKI

memastikan hanya kumpulan sasaran yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan dan subsidi seterusnya mengurangkan *inclusion and exclusion error*.

"Sejak 2016, kerajaan telah menyediakan peruntukan subsidi dan bantuan sosial secara purata sebanyak RM23 bilion setahun. Jumlah ini telah melonjak kepada RM67.3 bilion pada tahun 2022 disebabkan oleh kenaikan harga komoditi minyak mentah dan minyak sawit.

"Memandangkan subsidi bahan api merupakan komponen kedua terbesar yang meliputi 12.3 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus pada tahun 2023, terdapat keperluan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api," jelasnya.